



SUMBANGAN SEUNIT RESIDENSI JALILMAS UNTUK ATLET

Aset Kayamas Sdn. Bhd. selaku pemaju Residensi Jalilmas telah menyumbang sebuah unit rumah di Residensi Jalilmas kepada atlet bina badan negara, Mohd Syarul Azman Mahen bin Abdullah. Beliau merupakan juara dunia dalam kategori bina badan sebanyak 3 kali berturut-turut dari tahun 2016 hingga 2018.

YB Tuan Haji Khalid Bin Abdul Samad, Menteri Wilayah Persekutuan baru-baru ini telah merasmikan Majlis Penyerahan Kunci Unit Residensi Jalilmas pada 2 Mac yang lepas di mana sebanyak 1,050 kunci unit Residensi Jalilmas di bawah skim Residensi Wilayah diserahkan kepada pemilik.

Projek ini telah siap dibina 12 bulan lebih awal dari jangkaan dan merupakan projek dalam kalangan Residensi Wilayah di bawah Pemaju Aset Kayamas Sdn. Bhd dengan syarikat bersekutunya Sinerjuta Sdn. Bhd. Terdiri daripada 2 blok pangsapuri, berkeluasan 800 kaki persegi yang dilengkapi 3 bilik tidur, 2 bilik mandi, dan 1 parkir berbumbung dijual di bawah RM200,000.00 dengan tawaran harga serendah RM198,000.00.

Pengarah dan Pengasas Aset Kayamas, Tan Sri Datuk Chai Kin Kong amat berbesar hati dapat memberikan sumbangan kepada atlet negara yang telah mengharumkan nama Malaysia di luar negara. Tan Sri Datuk Chai amat berharap dengan sumbangan ini, Syarul dapat meneruskan prestasi tinggi dan seterusnya memenangi kejuaraan di peringkat dunia.

Selain aktif selaku pemaju bagi projek rumah mampu milik, Aset Kayamas juga telah banyak menjalankan program CSR untuk komuniti di Kuala Lumpur khususnya seperti pembinaan padang bola untuk komuniti setempat, pemajuan bangunan sekolah, kenduri-kenduri rakyat dan derma untuk sekolah-sekolah.

Unit rumah yang bakal dimiliki oleh Syarul ini akan dilengkapi dengan perabot dan barang elektrik termasuk kelengkapan dapur yang ditaja penuh oleh pihak Aset Kayamas untuk keselesaan Syarul dan keluarga. Syarul, 45, akan bertanding



ASET KAYAMAS SDN. BHD. (929423-V)
Lot 33545, Batu 5, Jalan Klang Lama,
58000 Kuala Lumpur.
T : +603-7989 9888 **F** : +603-7972 0888
E : info@asetkayamas.com

Associates / Developers:
FABER VISTA SDN. BHD. (870469-D)
SINERJUTA SDN. BHD. (1013408-T)
ERA ECOLAND SDN. BHD. (1119692-P)
UJANA MUTIARA SDN. BHD. (1126138-A)
GARUDA SEARAH SDN. BHD. (1134692-A)

semula pada bulan September ini untuk peringkat Asia dan latihan intensif akan bermula dalam masa yang terdekat ini. Kediaman baru yang serba lengkap dan selesa ini amat diharapkan oleh Syarul untuk lebih bersedia dalam pertandingan yang akan datang ini.

Di bawah program Residensi Wilayah, setakat ini Pemaju Aset Kayamas telah pun menyerahkan kunci kepada pembeli sebanyak 4,496 unit. Projek-projek ini adalah:

Harga Jualan RM198,000.00:

- | | |
|------------------------|-------------------|
| 1) Residensi Razakmas | – 427 unit |
| 2) Residensi Gurneymas | – <u>274 unit</u> |
| Jumlah | = 701 unit |

Harga Jualan RM300,000.00:

- | | |
|--------------------------|-------------------|
| 1) Residensi Pandanmas | – 700 unit |
| 2) Residensi Pandanmas 2 | – 1,920 unit |
| 3) Residensi Sentulmas | – 351 unit |
| 4) Residensi Puchongmas | – <u>524 unit</u> |
| Jumlah | = 3,495 unit |

Aset Kayamas turun membina PPR Pangsapuri Pandanmas 2 sebanyak 300 unit sebagai unit gantian kepada penduduk-penduduk setinggan di perkampungan penduduk India di Kampong Pandan dengan harga jualan RM42,000.00.

Di samping itu, sebanyak 1,955 unit lagi dijangka akan siap dibina pada tahun ini iaitu:

Harga Jualan RM198,000.00:

- | | |
|------------------------|--------------|
| 1) Residensi Kepongmas | – 1,514 unit |
| 2) Residensi Wangsamas | – 441 unit |

Contact person :

Azniza Anuwi

0126830902

Marketing, Aset Kayamas Sdn. Bhd.